

06 MAY 1999

Cuepacs-Pekeliling

CUEPACS DEDAH KETUA JABATAN SEMBUNYI PEKELILING

KUALA TERENGGANU, 6 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Kakitangan Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini mendedahkan terdapat ketua-ketua jabatan yang menyembunyikan Pekeliling Perkhidmatan daripada pengetahuan kakitangan mereka.

Presiden Cuepacs, N.Siva Subramaniam berkata pihaknya banyak menerima aduan berhubung perkara itu dan menyifatkannya sebagai perkembangan tidak sihat yang boleh membantut peningkatan kualiti kerja kakitangan awam.

"Jika perkara ini berlarutan, maka ia satu kerugian besar kepada kakitangan awam dan boleh menyebabkan salah tanggapan mereka terhadap sistem yang dilaksanakan kerajaan," katanya di sini.

Siva berkata, setiap maklumat berhubung arahan kerajaan seharusnya dipamerkan kepada kakitangannya bagi memastikan mereka melaksanakan tugas mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Beliau berkata perkara itu telah dimaklumkan kepada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dalam pertemuan bersama pemimpin Cuepacs baru-baru ini.

Siva meminta perkara itu diberikan perhatian serius oleh pihak berkenaan bagi memastikan kakitangan awam mengetahui setiap pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dalam perkembangan lain, Siva berkata jawatankuasa kerja Cuepacs akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat bagi membincangkan beberapa perkara untuk dimasukkan dalam memorandum kepada kerajaan berhubung beberapa keperluan kakitangan awam.

Menurut beliau, ini termasuk penyediaan "smart card" kepada semua kakitangan awam bagi kemudahan mereka mendapatkan perkhidmatan.

"Contohnya bagi mendapatkan rawatan di hospital kemudahan itu, mereka akan mendapat layanan terus tanpa banyak karenah birokrasi dan ini sangat baik bagi kakitangan awam.

Menurut Siva, Cuepacs akan menyerahkan memorandum itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat berkenaan.

-- BERNAMA

AYB FAZ